

BMI tetapkan 11 perkara nilai kualiti akademik


Oleh Mohd Ferroz Abu Bakar

BRITISH Malaysian Institute (BMI) mempunyai kaedah dan cara tersendiri dalam membuat penilaian bagi menentukan tahap kualiti akademik serta setiap program yang ditawarkan.

Dua kaedah utama yang dilakukan oleh BMI ialah mendapatkan maklum balas daripada pelajar serta lawatan oleh penilai luar. Kaedah itu adalah antara 11 perkara yang dilakukan supaya kualiti akademiknya berada di tahap yang tinggi.

Selain itu, institusi yang ditubuhkan oleh Mara itu juga menilai kualiti kursus menerusi Buku Rekod, Skim Kerja dan Penilaian, Kehadiran Pelajar, Penilaian Sumatif, Keputusan (peperiksaan), Persampelan, Penelitian Kelas, Penelitian Mata pelajaran dan Contoh Skrip (jawapan).

Ketua Bahagian Penjaminan Kualiti, Abdul Rashid Ohman, berkata 11 perkara yang menjadi syarat pengajaran itu adalah antara aspek yang akan dinilai untuk memohon sijil Prawdian Jamiran Mutu MS ISO 9002



ABDUL RASHID ... dua kaedah utama

tahun depan. Menurutnya, maklum balas daripada pelajar diperolehi menerusi Borang Kaji Selidik yang diedarkan kepada semua pelajar setiap akhir semester untuk menilai kandungan akademik kursus dan kaedah pengajaran serta pen-

belajaran. Beliau berkata, semua tenaga pengajar dimastikan mengedar borang berkenaan selepas menyelesaikan sukatan pelajaran mereka untuk membolehkan Bahagian Penjaminan Kualiti menilai prestasi kursus dan kaedah

yang dilaksanakan.

"Antara soalan yang dikemukakan ialah berkaitan isi kursus iaitu sumber rujukan, kesesuaian kursus dan keperluannya untuk kemahiran pelajar.

"Selain itu, borang ini juga mempunyai soalan berkaitan matlamat pembelajaran, pelbagai mengembangkan kemahiran teknikal, aktiviti yang dilakukan dan kritikan oleh pelajar.

"Dengan pemantauan kualiti dalam pelbagai aspek ini, BMI akan memohon untuk mendapat pengiktirafan ISO 9002 daripada Sirim Berhad tahun depan," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

ISO 9002 ialah standard mutu antarabangsa yang dikeluarkan oleh Sirim Berhad yang menjamin amalan pengurusan yang baik untuk memastikan sesuatu syarat secara konsisten menyedikan perkhidmatan yang cemerlang serta mencapai kualiti yang dikehendaki oleh pelanggan.

BMI diturunkan oleh BMI Sdn Bhd, anak syarikat mi-

lik penuh Mara yang ditubuhkan pada akhir 1997.

Selain maklum balas pelajar, Rashid berkata, semua program BMI juga dinilai oleh Edexcel Foundation (BTEC), United Kingdom (UK) melalui wakilnya yang mengunjungi kampus BMI di Gombak pada setiap semester.

"Di samping penilaian dalaman, Bahagian Penjaminan Kualiti juga mempunyai kaedah penilaian daripada luar iaitu oleh wakil Edexcel Foundation menilai aspek seperti kurikulum kursus, soalan peperiksaan dan jawapan pelajar.

"Justeru kami menjalankan proses pendokumenan yang menyeluruh dengan meliputi persampelan soalan peperiksaan, keputusan peperiksaan dan jawapan pelajar. "Wakil Edexcel yang datang bebas mengambil mana-mana sampel secara rawak dan menilai kualiti kursus yang sudah direkodkan," katanya.

BMI kini menawarkan enam program diploma tinggi dibenarkan menduduki peperiksaan.

bidang kejuruteraan elektronik perubahan, kejuruteraan elektronik, lektikal, telekomunikasi, sistem komputer dan teknologi maklumat.

Institut itu akan memperkenal program ijazahnya yang pertama mulai Julai ini iaitu dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik.

BMI mempunyai kerjasama dengan dua universiti di UK iaitu The University of Hertfordshire dan Wigan and Leigh College.

Menurut Rashid, kehadiran pelajar dalam kuliah, tutorial dan pembelajaran di makmal juga diambil kira dalam aspek latihan di BMI kerana institut itu mementingkan kemahiran graduannya sebelum mereka menyertai industri.

Katanya, walaupun BMI tidak mempunyai komponen latihan industri untuk pelajar, tahap kehadiran pelajarannya mestilah mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus daripada keseluruhan kelas.

Jika kurang, menurut beliau, pelajar tersebut tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.